

Teknik-Teknik Penyampaian Khutbah yang Berkesan

Abdul Kamil bin Jamaludin¹
Pusat Sains Kemanusiaan
Universiti Malaysia Pahang
abdulkamil@ump.edu.my,
0122963721

1.0 Pendahuluan

Islam adalah agama dakwah yang mengajak manusia beriman kepada Allah S.W.T. Agama ini mampu mengeluarkan manusia daripada kegelapan jahiliyah kepercayaan dan pengamalan kepada cahaya hidayah penyembahan kepada Allah S.W.T Maha Pencipta. Justeru Rasulullah S.A.W diutuskan bertujuan membawa dan membimbing manusia keseluruhannya bagi mengabdikan diri mereka kepada Allah S.W.T dengan cara penyampaian dakwah. Proses penyampaian dakwah pula dengan cara yang terbaik sebagaimana firman Allah S.W.T:

أَدْعُ إِلَى سَبِيلِ رَبِّكَ بِالْحِكْمَةِ وَالْمَوْعِظَةِ الْحَسَنَةِ وَجَدِلْهُمْ بِالَّتِي هِيَ أَحْسَنُ إِنَّ رَبَّكَ هُوَ
أَعْلَمُ بِمَنْ ضَلَّ عَنْ سَبِيلِهِ وَهُوَ أَعْلَمُ بِالْمُهْتَدِينَ

Maksudnya: *Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmat kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik; sesungguhnya Tuhanmu Dialah jua yang lebih mengetahui akan orang yang sesat dari jalanNya, dan dialah jua yang lebih mengetahui akan orang-orang yang mendapat hidayah petunjuk.*

(An-Nahl: 125)

Tugas dan tanggungjawab dakwah Rasulullah S.A.W diteruskan pula selepas itu oleh para Sahabat, Tabi'in, Tabi' Tabi'in dan juga semua umat Islam sehingga ke hari Kiamat. Antara kaedah dakwah yang paling berkesan dan berterusan ialah Khutbah Jumaat. Oleh itu, penekanan terhadap khutbah jumaat samada dari segi hukum syarak berkaitan, kandungannya, cara-cara penyampaiannya dan peranan khatib itu sendiri perlu sentiasa diambil berat dan dibuat penambahbaikan dari masa ke semasa oleh Pihak yang

¹ Pensyarah Pusat Sains Kemanusiaan, Universiti Malaysia Pahang. Kertas ini dibentang dalam Program Pemantapan Khatib Negeri Pahang Peringkat Daerah Bentong Siri 3/2020 anjuran Jabatan Mufti Negeri Pahang pada 26 Oktober 2020 di Dewan Masjid Sultan Ahmad Shah, Bentong.

bertanggungjawab terhadap para imam, bilal dan pegawai masjid yang berada di bawah naungan pentadbiran. Sehubungan dengan itu, kewajaran mengadakan Program Pemantapan Khatib yang dianjurkan Jabatan Mufti Negeri Pahang adalah amat disokong perlaksanaannya dan satu perkara yang terpuji.

2.0 Khutbah Jumaat

Pengetahuan berkaitan Khutbah Jumaat adalah perkara yang perlu sentiasa diperingatkan dan diperhalusi oleh setiap khatib yang dipertanggungjawabkan bagi memastikan kelancaran dan keabsahan khutbah tersebut. Bagi tujuan itu, tiga perkara perlu berkaitan Khutbah Jumaat ditelaah Kembali iaitu rukun khutbah, syarat sah khutbah, panduan dan adab-adab khatib.

2.1 Rukun Khutbah²

1. Memuji Allah (pada kedua-dua khutbah).
2. Selawat atas Nabi S.A.W (pada kedua-dua khutbah).
3. Berwasiat dengan taqwallah (pada kedua-dua khutbah).
4. Membaca sekurang-kurangnya satu ayat al-Quran yang memberi faham (pada salah satu di antara dua khutbah tersebut).
5. Membaca doa bagi mukminin dan mukminat (pada khutbah yang kedua).

2.2 Syarat Sah Dua Khutbah³

1. Hendaklah membaca berkeadaan berdiri bagi yang kuasa berdiri.
2. Hendaklah dengan Bahasa Arab pada semua rukun-rukunnya.
3. Hendaklah sesudah masuk waktu zohor.
4. Hendaklah duduk antara dua khutbah dengan *ṭoma'nīnah*. Iaitu sekurang-kurangnya sekadar duduk antara dua sujud.
5. Hendaklah memperdengarkan semua rukun-rukun dua khutbah tersebut kepada sekurang-kurangnya 39 ahli jamaah.
6. Hendaklah muwalat antara kalimah-kalimah dan antara dua khutbah dan antara solat jumaat.
7. Hendaklah khatib itu suci daripada hadas besar dan hadas kecil.

² Bakri Basir (2014) *Panduan Para Imam*, hal. 100.

³ Ibid. hal. 100.

8. Hendaklah khatib itu suci daripada najis yang tidak dimaafkan pada pakaian, tubuh badan dan tempat.
9. Hendaklah menutup aurat di dalam kedua-dua khutbah.

3.0 Akhlak Khatib

Keberkesanan sesuatu khutbah bergantung juga kepada akhlak yang dipamerkan oleh khatib. Tugas seorang khatib sebenarnya adalah pendakwah yang menjadi tumpuan pandangan orang ramai dari segi percakapan dan perbuatan.⁴ Bahkan ada dalam kalangan Jemaah masjid yang mengidolakan seseorang khatib dalam kehidupan beragama mereka. Tuntutan berakhlak mulia sebenarnya kepada semua umat Islam. Namun tuntutan ini menjadi lebih utama kepada khatib kerana khutbah yang disampaikan membawa mesej yang baik. Oleh itu, percakapan dan perbuatan khatib mestilah selari dengan akhlak Islam bagi memastikan peranan khatib menjadi agen perubahan masyarakat daripada sifat mazmumah kepada sifat mahmudah menjadi lebih berkesan. Sehubungan dengan itu, Al-Quran dan Hadis menggesa semua umat Islam berakhlak mulia, terutama para khatib yang menggalas tugas dakwah. Ini dapat ditelusuri melalui firman Allah S.W.T:

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

Maksudnya: Dan sesungguhnya engkau (Muhammad) mempunyai akhlak yang amat terpuji

(Al-Qalam: 4)

Rasulullah menunjukkan akhlak yang terpuji sehingga berjaya memberikan kesan kepada umat manusia untuk memeluk Islam dan menghayatinya. Begitu juga terdapat dalam hadis berkaitan gesaan berakhlak mulia ini. Antaranya:

عن أبي ذر قال: قال رسول الله ﷺ (اتق الله حيثما كنت وأتبع السيئة الحسنة تمحها وخالق الناس بخلق حسن)⁵

⁴ Ismail Ali Muhammad (2016) *Fan al-Khaṭābah wa Mahārāt al-Khaṭīb*, hal 114.

⁵ Riwayat Al-Tirmīzī pada Kalimat “Kaf” Bāb Mā Jāa fī Mu‘āsharat al-Nās nombor 1987. Hadis Hasan Ṣahīh.

Maksudnya: Dari Abi Zar, telah bersabda Rasulullah ﷺ Bertakwalah kamu kepada Allah di mana sahaja berada dan iringilah kejahatan dengan kebaikan yang akan menghilangkannya dan berakhlaklah terhadap orang lain dengan akhlak yang mulia.

4.0 Teknik-Teknik Penyampaian Khutbah yang berkesan.

Khatib perlu mengambil perhatian kepada cara penyampaian khutbah dengan mengikut adab dan teknik-teknik bagi memastikan ia berkesan dan menarik minat para Jemaah yang mendengar.

4.1 Panduan dan Adab-Adab⁶

- Semasa khatib mula melangkah masuk ke dalam masjid, sunat beliau memberi salam kepada mereka yang berdekatan dengan pintu masjid itu.
- Setelah selesai solat sunat Qabliyah Jumaat, bilal akan berselawat menghadap ke arah para jemaah sambil memegang tongkat di tangan kanannya. Selesai berselawat, khatib pun bangun lalu mengambil tongkat di tangan Bilal dengan tangan kanannya dan terus melangkah menaiki tangga mimbar, mulakan dengan kaki yang kanan dahulu. Jangan terlalu cepat melangkah.
- Kemudian Khatib lalu berpusing menghadap ke arah para Jemaah sambil memegang tongkat di tangan kirinya pula, lalu khatib terus memberi salam kepada semua para Jemaah yang hadir.
- Setelah memberi salam, khatib terus duduk. Sambil bilal pula bangun untuk mengumandangkan azan yang kedua. Ketika itu bolehlah khatib bersedia untuk memasang pembesar suara pada leher jubahnya (jika perlu) dan sambil itu bersedia dengan teks khutbah jika ada.
- Selesai azan oleh bilal. Semua hadirin masing-masing berdoa. Kemudian setelah selesai berdoa, khatib terus bangun dan memulakan khutbah Jumaat.
- Seelok-eloknya khatib memulakan dengan menyebut الحمد لله dahulu, kemudian barulah membacakan teks khutbah tersebut.

⁶ Bakri Basir. Ibid, hal. 101.

- Khutbah hendaklah dibaca dengan suara yang terang dan jelas, tetapi janganlah sampai menengking pula.
- Khatib janganlah berpaling ke kanan, ke kiri atau ke belakang Ketika berkhotbah kerana perbuatan itu makruh.
- Selesai khutbah pertama, khatib terus duduk dan diam sebentar, jangan bergerak sekurang-kurangnya kadar membaca bacaan antara dua sujud dan seelok-eloknya sekadar bacaan surah al-Ikhlās.
- Selepas itu khatib bangun meneruskan khutbah kedua.

4.2 Teknik Pengucapan Berkesan⁷

1. Pengucapan yang mempunyai jiwa

Jabir (r.a) berkata:

“Apabila Rasulullah ﷺ berkhotbah, kedua mata baginda merah, suaranya keras dan bersemangat bagaikan seorang panglima yang memperingatkan kedatangan musuh yang hendak menyerang di waktu pagi atau petangnya”.

2. Kebijakan dalam mengatur suara

Saranan pakar dalam bidang ini ialah:

- a. Membuat penekanan suara pada perkataan yang penting dan sebaliknya memperlambatkan suara pada perkataan yang kurang penting.
- b. Menukar intonasi suara.
- c. Menukar kadar cepat dan laju suara.
- d. Memberhentikan suara pada sebelum dan selepas idea-idea yang penting.

3. Kedudukan khatib. Pastikan khatib berada di tempatan yang boleh dilihat oleh Jemaah.

4. Penggunaan isyarat ketika berucap bagi menyampaikan mesej dalam khutbah:⁸

⁷ Ismail Ali Muhammad. Ibid, hal 117-129.

⁸ Ahmad Muhammad al-Hawfī (t.t) *Fan al-Khātābah*, hal 27-28.

فمثلا العين المفتوحة تمثل الغيظ أو الخوف أو الإعجاب ، والعين المغلقة تشير إلى التواضع أو البغضاء، والنظر الشزر يترجم عن الاحتقار والاستهانة والكراهية والعين المتحركة يميناً وشمالاً تنبئ عن الرياء والاشتمزاز، والعين المتطلعة إلى السماء ترمز إلى الدعاء ، والنظر إلى الأرض تعبير عن اليأس أو الخشوع أو الحياء ، والعين المستقرة في نظرتها تفصح عن الشدة والإثبات والرجاء ، والعين اللامعة ترجمان عن الظفر. والوجه كله معبر عن الانفعالات بما يرتسم على صفحته من خطوط وأشكال

5. Penampilan khatib yang berwibawa dan berkeunggulan mampu menarik perhatian Jemaah yang mendengar khutbah.

5.0 Penutup

Khutbah Jumaat mempunyai keistimewaan dan kedudukannya yang tersendiri berbanding ceramah, tazkirah, forum agama dan lain-lain medium dakwah secara lisan. Oleh itu, keberkesanan penyampaian melalui pelbagai Teknik perlulah diambil perhatian oleh para khatib. Mudah-mudahan usaha yang kecil melalui penulisan kertas kerja ini dapat memberi sumbangan yang bermanfaat dalam membuat anjakan paradigma mengenai kepentingan khutbah dan penyampaiannya.

Rujukan

Al-Quran Al-Karim

Ahmad Muhammad Al-Hawfi (t.t) *Fan Khāṭābah*. Al-Qāhirah: Nahḍat al-Miṣr.

Bakri Basir (2014) *Panduan Para Imam*. Kedah: Pustaka Darussalam SDN. BHD.

Ismail Ali Muhammad (2016) *Fan al-Khaṭābah wa Mahārāt al-Khaṭīb*. Al-Qāhirah: Dār al-Kalimat.